

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NEGARA

Sebanyak 5,951 notis dikeluarkan KKM

Kompaun merokok RM1.47 juta bulan lalu

Oleh MUHAMMAD NAJIEB
AHMAD FUAD

PUTRAJAYA — Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan sebanyak 5,951 kompaun bernilai RM1.47 juta bagi penyuatuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 sepanjang bulan lalu.

Ia termasuk kesalahan merokok di kawasan awam atau larangan seperti di dalam restoran, premis kerajaan, hospital dan lapangan terbang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, sebanyak

13,163 notis kesalahan dikeluarkan hasil daripada 25,924 premis dilawati oleh pihaknya.

Beliau berkata, bagi penyuatuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975, sebanyak 3,218 kompaun berjumlah RM1.6 juta dikeluarkan dengan purata RM500 bagi setiap kompaun.

"Sejumlah 606 kes telah didaftar untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama sebanyak 66 kes telah disabitkan kesalahan dengan jumlah denda RM112,280," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, melalui tindakan penguatkuasaan Akta

Makanan 1983, sebanyak 6,824 premis makanan diperiksa.

Katanya, sebanyak 189 premis makanan diberi perintah penutupan sementara di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 iaitu 2.77 peratus daripada keseluruhan premis makanan yang diperiksa.

"Tindakan penutupan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan adalah sebagai suatu langkah menjamin kebersihan premis serta makanan yang dihidangkan," ujarnya.

Tambahnya, tindakan penyuatuasaan merupakan pilihan terakhir yang diambil oleh KKM.



RESTORAN antara premis yang dilarang merokok. — GAMBAR HIASAN

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kontrak interim tawar gaji akhir - Menteri Kesihatan

PETALING JAYA: Gaji mereka yang memohon lantikan secara kontrak interim akan ditawarkan berdasarkan gaji akhir semasa lantikan kontrak.

Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkifly Ahmad berkata, pegawai perubatan, pergigian dan farmasi kontrak yang dilantik secara tetap di Kementerian Kesihatan (KKM) setelah proses penilaian akan ditawarkan gaji berdasarkan gaji akhir semasa lantikan kontrak.

Justeru, katanya, kelulusan khas itu turut terpakai sekiranya dilantik secara kontrak interim (lantikan tetap) kelak.

"Oleh itu, dakwaan bahawa kerajaan tidak mengambil kira pengalaman dan memberi gaji yang rendah (kembali ke *basic*) adalah tidak tepat.

"Ini kerana, segala pergerakan gaji tahunan dijawatan kontrak turut diambil kira untuk penetapan gaji permulaan di jawatan tetap oleh Suru-

hanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)," katanya dalam satu hantaran di Facebook, semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, kumpulan doktor kontrak yang sudah bertahun-tahun berkhidmat dalam perkhidmatan kesihatan awam bimbang kehilangan faedah-faedah perkhidmatan seperti cuti terkumpul apabila mereka mengisi jawatan pegawai perubatan Gred UD43.

Selain cuti terkumpul,

mereka turut menggesa Kementerian Kesihatan dan SPA mempertimbangkan untuk mengekalkan tangga gaji akhir selain faedah-faedah lain sedia ada yang diperoleh.

SPA kelmarin mengeluarkan iklan kekosongan 3,200 jawatan bagi pegawai perubatan Gred UD43 (kontrak interim); kekosongan 400 jawatan bagi pegawai farmasi Gred UF41 dan kekosongan 350 bagi pegawai pergigian Gred UG41.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

Doktor kontrak interim ambil kira gaji akhir

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kumpulan Hartal Doktor Kontrak (Hartal) lega selepas gaji lantikan kontrak interim akan ditawarkan berdasarkan gaji akhir mereka.

Jurucakapnya berkata, langkah itu menyaksikan gaji mereka yang memohon kekosongan jawatan tidak bermula berdasar-

kan gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

“Namun, kerajaan harus cari mekanisme supaya ada pergerakan gred untuk mereka yang lama dalam sistem kontrak dan sekiranya mendapat tetap, tahun dalam servis dikira untuk proses pencegahan dan sebagainya,” katanya semalam.

Terdahulu, akbar ini melapor kan, tawaran gaji mereka yang memohon lantikan kontrak

interim akan mengambil kira gaji akhir semasa di lantikan kontrak.

Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pegawai perubatan, pengigian dan farmasi kontrak yang dilantik secara tetap di Kementerian Kesihatan setelah proses penilaian akan ditawarkan gaji berdasarkan gaji akhir semasa di lantikan kontrak.

Justeru, katanya, kelulusan khas itu turut terpakai sekiranya dilantik secara kontrak interim

(lantikan tetap) kelak.

“Oleh itu, dakwaan bahawa kerajaan tidak mengambil kira pengalaman dan memberi gaji yang rendah (kembali ke basic) tidak tepat.

“Ini kerana pergerakan gaji tahunan ketika jawatan kontrak diambil kira untuk penetapan gaji permulaan di jawatan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA),” katanya.

Terdahulu kumpulan dok-

tor kontrak yang bertahun-tahun berkhidmat bimbang kehilangan faedah perkhidmatan seperti cuti terkumpul apabila mereka mengisi jawatan pegawai perubatan Gred UD43.

Selain itu, mereka menggesa Kementerian Kesihatan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mempertimbangkan untuk mengekalkan tangga gaji akhir selain faedah lain sedia ada yang diperoleh mereka.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Lebih RM3 juta kompaun denggi, rokok sepanjang Jun

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan kompaun berjumlah lebih RM3 juta menerusi tindakan penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam terhadap kes demam denggi dan rokok sepanjang Jun lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975, sejumlah 3,218 kompaun bernilai RM1,609,000 dikeluarkan dengan purata RM500 setiap denda.

"Sebanyak 606 kes didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan dalam masa sama, 66 kes disabitkan kesalahan dengan jumlah denda RM112,280.

"Sementara itu, melalui penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, sejumlah 13,163 notis kesalahan dikeluarkan dari-



MUHAMMAD RADZI

pada 25,924 premis yang dilawati dengan 5,951 kompaun berjumlah RM1,468,650 diberikan," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Tambah Dr Muhammad Radzi, sebanyak 6,824 premis makanan diperiksa dan 189 daripada jumlah itu diberi perintah penutupan sementara di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Ujarnya, tindakan penutupan itu dikuatkuasakan oleh KKM sebagai satu langkah bagi menjamin kebersihan premis dan makanan yang dihidangkan.

"Tindakan penguatkuasaan merupakan pilihan terakhir yang diambil oleh kami.

"Orang ramai diminta untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar keberkesan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum," jelasnya.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION



All in good fun: People taking part in Apron Walk 2024 at Anjung Floria in Putrajaya. — Bernama

2,000 participate in Apron Walk

PUTRAJAYA: The Apron Walk 2024 held at Anjung Floria here in conjunction with the national-level World Health Safety Day attracted 2,000 participants, including people with disabilities.

It started with a warm-up session before the participants were flagged off by Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, who joined in the walk yesterday.

The 5km walk programme, now in its second year, was held due to the over-

whelming public response last year.

It was also in line with the efforts by the Health Ministry in strengthening national food safety control through the implementation of various strategies and interventions.

Various activities were held, including a food safety exhibition, a colouring competition for children, aerobics, lucky draws and a zapin performance.

A father of two special children, Norhazim Izzat Md Azman, 36, said he and

several members of the Special Children's Runners Association also joined in the walk.

Norhazim Izzat, born in Kuala Langat, Selangor, said he had participated in almost 40 recreational and sports activities throughout the year and found that such activities were good for his two special children aged five and eight.

"Every weekend we will join in such activities with our special children. It cheers them up," he told Bernama.